

01/08/2000

Dr Mahathir tangguh lawatan ke Melaka

MELAKA, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menangguh lawatan sehari ke Melaka yang dijadualkan, Khamis ini.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata Pejabat Perdana Menteri memaklumkan penangguhan lawatan itu, hari ini.

Sempena lawatan sehari ke Melaka, Perdana Menteri dijadualkan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Barisan Nasional di Malacca Village Paradise Resort sebaik saja tiba di Ayer Keroh pada jam 9 pagi.

Selepas itu, Perdana Menteri dijadualkan menyerahkan kunci 298 rumah awam Kemendor, Selandar kepada pembeli, sebelum mengadakan perjumpaan dengan 2,500 kakitangan awam serta swasta dan pemimpin masyarakat serta pertubuhan bukan kerajaan di Dewan Bankuet, Seri Negeri, Ayer Keroh pada sebelah petang.

(END)